

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 11 MAC 2015

RUJUKAN : 7497

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Pejabat Imigresen Sabah dan Sarawak terima arahan daripada Kementerian Dalam Negeri untuk mengenakan larangan pada warga asing dan warga Semenanjung Malaysia daripada masuk ke Sabah dan Sarawak. Senaraikan nama warga Semenanjung Malaysia yang dilarang masuk ke Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri tidak ada memberi sebarang arahan kepada Jabatan Imigresen Negeri Sabah dan Sarawak untuk mengenakan larangan pada warga asing dan warga Semenanjung Malaysia daripada masuk ke Sabah dan Sarawak.

Arahan tersebut hanya diterima melalui pihak berkuasa Negeri Sabah dan Sarawak mengikut Seksyen 65, Akta Imigresen 1959/63.

Senarai nama warga Semenanjung Malaysia yang dilarang masuk ke Sabah dan Sarawak berubah dari semasa ke semasa mengikut arahan pihak berkuasa Negeri Sabah dan Sarawak. Senarai nama ini juga dikawal di bawah Akta Rahsia Rasmi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

SOALAN : ~~58~~ 52

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah saman AES yang dikeluarkan setiap tahun sejak AES dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bilangan saman *Automated Enforcement System* (AES) yang telah dikeluarkan sejak ianya mula dikuatkuasakan pada 23 September 2012 sehingga 28 Februari 2015 adalah sebanyak 1,800,258 saman. Perincian mengikut tahun adalah sepertimana berikut:

TAHUN	BILANGAN SAMAN
2012	308,502
2013	714,051
2014	672,190
2015 (sehingga 28 Februari)	105,515
JUMLAH	1,800,258